



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENETAPAN PENARAFAN BINTANG DALAM KAJIAN AUDIT AKSES BERKAITAN AKSESIBILITI ORANG KURANG UPAYA (OKU), KPWKM OPTIMIS LEBIH BANYAK PREMIS MESRA OKU PADA MASA HADAPAN

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2023 – Satu Kajian Audit Akses telah dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2022 oleh KAED *Universal Design Unit* (KUDU), Kuliyyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa untuk melihat aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di premis awam, komersial, institusi, keagamaan, taman rekreasi, kemudahan luar, pengangkutan dan kemudahan kesihatan.

Sebanyak 195 buah premis yang telah dilaksanakan audit akses melibatkan dua (2) hingga tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi penganjuran program audit akses. Daripada jumlah ini, 13 buah premis telah diberikan penarafan lima (5) bintang. Manakala 40 buah premis mendapat penarafan empat (4) bintang, 89 buah premis mendapat penarafan tiga (3) bintang, dan selebihnya sebanyak 48 buah premis mendapat penarafan dua (2) bintang. Hanya lima (5) buah premis mendapat penarafan satu (1) bintang.

Berdasarkan dapatan Audit Akses tersebut, didapati bahawa kurangnya papan tanda dan tunjuk arah menyukarkan OKU untuk mencari kemudahan seperti tandas OKU dan tempat letak kereta OKU. Ketiadaan *ramp* bagi kegunaan OKU berkerusi roda ke laluan utama dan ke tempat kemudahan OKU, selain *ramp* yang agak curam dan tidak menepati piawaian MS1184. Dapatan Audit Akses juga menemukan laluan pejalan

kaki yang rosak, tempat letak kereta OKU yang tidak mengikut spesifikasi MS1184, tiada papan tanda berdiri tempat letak kereta OKU. Selain itu juga, tandas OKU agak kecil serta cermin yang terlalu tinggi dan tidak mengikut spesifikasi, menyukarkan OKU berkerusi roda untuk menggunakan kemudahan tersebut. Manakala “*refuge area*” tidak disediakan di kawasan tangga kecemasan. Selain itu juga, lif yang terdapat di premis tidak mempunyai *braille* dan sistem hantaran suara menyukarkan OKU penglihatan menggunakan lif dan memohon bantuan. Lokasi *tactile* bagi OKU penglihatan juga tidak sesuai (berada di depan lif) dan terlalu banyak.

Berdasarkan dapatan Audit tersebut, beberapa syor telah dikemukakan iaitu;

- i. menyeragamkan dasar dan carta panduan Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina untuk seluruh Malaysia;
- ii. penubuhan pasukan atau Unit Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*) di Jabatan Teknikal, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan untuk tujuan pro-konsultasi, menyemak pelan pembangunan dan pemantauan *Universal Design* di pembangunan baharu;
- iii. merangka Pelan Induk Aksesibiliti untuk setiap PBT;
- iv. penganjuran Program Kesedaran Aksesibiliti dan Bengkel Audit Akses berkolaborasi bersama agensi kerajaan atau NGO 2 kali setahun dan;
- v. penganjuran Program Kesedaran Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina serta Kemudahan Mesra OKU berkolaborasi bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan, NGO, pihak awam yang berkepentingan dan insituti pendidikan seperti KUDU, KAED, UIAM.

Dapatan Audit Akses ini telah dibentangkan jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) di dalam Mesyuarat MKBOKU Bil. 1/2023 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 1 Ogos 2023 (Selasa) lalu.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 OGOS 2023**